



Penolakan sentimen etnik dalam politik semasa Malaysia: Kes pilihan raya kecil 2009 Bukit Selambau, Kedah

Abdul Halim Sidek¹, Junaidi Awang Besar², Mohd Fuad Mat Jali², Yahaya Ibrahim³,
Noor Aziah Mohd Awal⁴, Khaidzir Ismail²

¹Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, ²Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, ³Universiti Malaysia Terengganu, ⁴Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Abdul Halim Sidek (email: datukhalim75@gmail.com)

Abstrak

Etnik merupakan faktor penting dalam mempengaruhi proses dan pola tingkahlaku politik di Malaysia. Dengan keadaan demografi dan struktur ekonomi penduduk Malaysia yang berbilang kaum maka politik perkauman telah sekian lama diterima oleh majoriti pengundi negara ini sejak merdeka. Bagaimanapun, politik perkauman telah tercabar dan ditumbangkan di beberapa negeri, termasuk Kedah, dalam pilihanraya umum 2008. Kertas ini menganalisis pendapat umum pra-pilihanraya oleh pelbagai etnik penduduk tempatan mengenai pilihan raya kecil DUN Bukit Selambau, Kedah dan membandingkannya dengan keputusan sebenar pilihanraya kecil tersebut. Secara keseluruhannya, hasil kajian pendapat umum ini menunjukkan bahawa 41.2 peratus responden Melayu, 45.5 peratus responden Cina dan 41.1 peratus responden India menyatakan PKR akan mengekalkan kerusi DUN Bukit Selambau. Dapatan ini adalah selaras dengan keputusan pilihan raya kecil pada 7 April 2009 yang memihak kepada PKR. Pada zahirnya keputusan pilihan raya kecil ini menunjukkan majoriti pengundi menolak politik perkauman Barisan Nasional dan menyokong ideologi 'Makkal Sakthi' atau kuasa rakyat PKR. Ia juga menunjukkan impak keputusan pilihan raya umum 2008 yang lalu masih kekal dimana pengundi memilih pakatan parti yang menguasai Kerajaan Negeri Kedah supaya wakil rakyat yang mereka pilih berpeluang dilantik sebagai EXCO Kerajaan Negeri. Keputusan pilihan raya kecil ini juga jelas menunjukkan bahawa pihak yang tewas iaitu BN perlu melakukan 'post mortem' secara terperinci, telus dan tegas bagi memperbaiki kelemahannya. Ini kerana apa yang berlaku dalam pilihan raya kecil tersebut tidak harus dilihat sebagai 'kalah di satu kerusi sahaja' tetapi perlu dilihat dalam skop yang lebih luas dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katakunci: ideologi politik, Makkal Sakthi, pendapat umum, pilihan raya kecil, pilihan raya umum, politik perkauman

The rejection of the politics of ethnic sentiments in contemporary Malaysia: The case of the 2009 Bukit Selambau, Kedah by-election

Abstract

Ethnic sentiments had always predominated the Malaysian political scenes ever since the country's independence from the British rule in 1957 due to the peculiar colonial legacy of the ethnic factor in the demographic and economic structures of the country. However, this long accepted and practiced politics of

ethnic sentiments was challenged and rejected in a number of states, including Kedah, during the general elections of 2008. This paper analyses public opinions before the Bukit Selambau, Kedah 2009 by-election and compares the findings with the actual result of the by-election. Overall, results of the public opinion analysis demonstrated that 41.2, 45.5 and 41.1 percent of Malay, Chinese and Indian respondents respectively expected that the PKR would retain Bukit Selambau. This expectation was vindicated by the actual results of the by-election held on 7th. April 2009. The by-election verdict indicated the rejection of the Barisan Nasional's politics of ethnic sentiments in favour of the PKR's 'Makkal Sakthi' (people's power) ideology. It also denotes the logic of local electorates in wanting to vote in a candidate with the highest chances of being appointed a member of the powerful state executive committee. It signals, too, the imperative of some serious soul searching and detailed 'post mortem' on the part of the vanquished Barisan Nasional if it were to fare well in future elections.

Keywords: by-election, ethnic politics, general election, Makkal Sakthi, political ideology, public opinion

Pengenalan

Pada 9 Februari 2009, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak mengisytiharkan Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah (ADUN) kawasan Bukit Selambau, V. Arumugam melepaskan jawatan Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Hal Ehwal Masyarakat Siam, Perpaduan, Pekerja Ladang dan Hal Ehwal Masyarakat India dan ADUN kawasan tersebut. Arumugam, menerusi seorang wakilnya telah menghantar dua pucuk surat iaitu sepucuk mengenai perletakan jawatan ADUN yang ditujukan kepada Speaker Dewan Undangan Negeri dan sepucuk lagi kepada Azizan untuk memaklumkan perletakan kedua-dua jawatan iaitu Exco Kerajaan Negeri dan ADUN. Punca utama perletakan jawatannya adalah disebabkan tindakan sekumpulan penduduk Taman Ria di Sungai Petani yang menghantar petisyen mengenai salah laku moral beliau kepada Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Anak Bukit. Maka pihak SPR telah bermesyuarat dan menetapkan pilihan raya kecil perlu diadakan pada 7 April 2009 untuk mengisi kekosongan kerusi DUN tersebut. Pilihan raya ini menyaksikan satu saingan sengit dan menarik kerana PKR perlu menang di DUN tersebut bagi melengkapkan kuota jawatan EXCO Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Kedah bagi kaum India atas tiket PKR yang dikosongkan oleh bekas ADUN di kawasan tersebut manakala BN pula perlu menang seterusnya merampas semula kerusi DUN tersebut yang mereka tidak pernah kalah sejak pilihan raya pertama 1959 hinggalah tahun 2008 tersebut. BN juga perlu menang bagi memulihkan keyakinan pengundi terutamanya pengundi India. Persoalan yang ingin disingkap dalam kertas kerja ini, adakah PKR melalui pakatan kuasa dengan PAS dan DAP yang mengisytiharkan kompromi politik mereka sebagai 'Pakatan Rakyat' mampu mempertahankan kerusi yang dimenangi pada pilihan raya umum 2008 tersebut dan sebaliknya berjayakah BN mengembalikan sokongan pengundi setelah tewas teruk dalam pilihan raya umum 2008 yang lalu dengan fenomena yang diperkatakan sebagai 'tsunami politik' Malaysia 2008. Bagaimana pula dengan sokongan pengundi terhadap kerajaan negeri (Pakatan Rakyat) di kawasan DUN Bukit Selambau semasa pra-pilihan raya kecil di samping mendapatkan faktor pola sosiopolitik mereka dan sejauhmana keputusan yang diperolehi boleh dijadikan petanda sama ada BN ada harapan merampas kuasa Kerajaan Negeri daripada Pakatan Rakyat atau sebaliknya dalam pilihan raya umum di peringkat DUN Negeri Kedah akan datang.

Pengalaman lalu

Kajian-kajian awal ke atas faktor etnik atau kaum dalam pola tingkahlaku politik pengundi bukan sahaja dijalankan oleh pengkaji bidang geografi, malah oleh pengkaji bidang politik, psikologi dan sosiologi. Proses politik di Malaysia seperti pembentukan parti politik, pemilihan calon dan

pola sokongan dalam pilihan raya lebih dipengaruhi oleh keperluan dan aspirasi komuniti etnik tertentu. Untuk mencapai matlamat politik dan ekonomi etnik, jalan yang paling mudah adalah melalui proses politik dan melihat pilihan raya sebagai jalan yang signifikan untuk mencapai keperluan etnik masing-masing. Oleh itu, kejayaan dan *survival* sebahagian parti politik dalam pilihan raya bergantung kepada latar belakang etnik calon, komposisi etnik dalam kawasan pilihan raya, isu-isu berkaitan etnik yang diperjuangkan oleh parti politik tertentu dan isu etnik setempat dalam sesebuah kawasan pilihan raya (Vasil, 1971; Rizal & Jummat, 2002).

Mc Gee (1962) juga mendapati etnik merupakan faktor penting dalam proses politik di Malaysia. Beliau menyatakan faktor etnik, kewilayahan dan personaliti calon mendominasi politik negara dalam tahun 1950-an. Sokongan yang diperolehi oleh parti yang berasaskan etnik seperti PAS dan PPP menunjukkan corak politik yang sedemikian mendominasi iklim politik secara keseluruhan. Parti juga dikuatkan dengan meletakkan calon daripada etnik tertentu untuk satu kawasan pilihan raya yang etnik tertentu adalah dominan.

Pelling (1967) dalam kajian pilihan raya di Britain (1885 dan 1910) memaparkan tiga faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengundi British iaitu kelas, etnik, wilayah dan agama. Beliau mendapati pola pengundian memperlihatkan bahawa Parti Konservatif adalah parti yang mempunyai pengaruh sosial di kawasan yang berhampiran dengan kota London. R. K. Vasil (1972) menyatakan bahawa faktor etnik ini perlu dilihat dari sudut perkembangan parti politik yang bersifat berbilang kaum. Parti politik asalnya bersifat berbilang kaum bertukar kepada parti bukan Melayu dan akhirnya menjadi organisasi bukan Melayu yang bersifat perkauman. Etnik menjadi pemboleh ubah penting dan faktor dominan dalam kajian politik Malaysia dan sistem parti politik negara ini bolehlah dilihat sebagai sistem satu parti yang dominan.

Kajian oleh Khong Kin Hong (1991) menganalisis penggunaan isu, kaum, agama serta bahasa dalam pilihan raya umum 1990. Isu-isu yang dimanipulasikan dalam pilihan raya 1990 tersebut memberikan kelebihan kepada parti pembangkang iaitu PAS dalam isu agama, Semangat 46 dalam isu kaum dan bahasa dan DAP dalam isu kaum dan konsep 'Malaysian Malaysia' seterusnya parti-parti pembangkang tersebut berjaya memenangi beberapa kerusi-kerusi DUN dan Parlimen dalam pilihan raya tersebut. Turut diuraikan ialah prestasi parti-parti politik seperti PAS di Kelantan dan PBS di Sabah dalam aspek politik etnisiti dan politik pembangunan serta politik keagamaan di kedua-dua negeri yang diperintah oleh parti pembangkang tersebut.

Hashim Harun (1994) dalam kajian ragam pengundi Melayu bandar dan desa di Kajang dan Dengkil mendapati bahawa terdapat tiga fenomena ragam pengundi Melayu iaitu kekal sebagai penyokong setia BN, sebilangannya telah menukar sokongan kepada pembangkang dan peratus mengundi yang rendah di bandar. Pengundi Melayu menjadi sasaran meraih sokongan undi parti-parti yang bertanding dan perpaduan pengundi Melayu menjamin kemenangan dan kesinambungan pemerintahan BN sejak sekian lama.

Mohd Fuad Mat Jali (1996) dalam kajian pungutan pendapat awam di kawasan Parlimen Tanjung Karang, Selangor semasa pra-pilihan raya 1990 dan pilihan raya umum 1995 mendapati bahawa hasil kajian menepati keputusan pilihan raya umum yang sebenar. Kajian dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada Pra-Pilihan Raya Umum 1999 di Kedah mendapati wujud tren pemilihan parti politik di Malaysia yang dipengaruhi oleh faktor etnik dan kawasan. Kawasan majoriti Melayu di luar bandar atau di bandar didefinisikan sebagai kawasan yang menyokong UMNO (BN). Hal demikian dapat dilihat melalui tren yang masih wujud di kawasan Kubang Pasu dan Jerlun. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa 22 peratus daripada responden mengenalkan diri mereka sebagai penyokong parti alternatif (PAS). Fahaman politik juga diajukan kepada isteri mereka dan didapati 75 peratus menyatakan menyokong BN. Keadaan ini membuktikan bahawa isteri kebiasaannya mengikut fahaman politik suami. Walau bagaimanapun, jumlah anak mereka yang mengikuti fahaman politik ibu bapa adalah 50 peratus.

Teh Ting Ting (1996) dalam kajian trend pengundian kaum Cina di Pulau Pinang mendapati bahawa faktor ekonomi adalah penentu yang signifikan terhadap tingkah laku pengundian Cina dalam pilihan raya umum tahun 1995 di Pulau Pinang. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa

sebilangan pengundi yang mengidentifikasikan diri mereka dengan parti tertentu tetapi tidaklah begitu setia kepada parti dan akan berubah sikap mengikut keadaan. Pendekatan pemilihan rasional dan pendekatan identifikasi parti penting dalam proses pembentukan tren pengundian Cina di Pulau Pinang.

Chua Siew Yoon (2000) dalam kajian geopolitik peranakan Cina Kelantan di Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan mendapati faktor yang menyebabkan golongan Cina Peranakan menyokong atau menolak sesebuah parti politik bergantung kepada tahap kemampuan parti politik memberi keuntungan kepada mereka. Majoriti mereka lebih cenderung untuk tidak terlibat dalam mana-mana parti politik namun tidak bermakna mereka menolak parti politik secara total. Bagi yang mempunyai tahap pendidikan tinggi dan mampu dari segi kewangan untuk menceburkan diri dalam politik, mereka juga mempunyai kecenderungan untuk terlibat sama dalam parti politik.

Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (2002) dalam kajian pilihan raya 1999, mendapati bahawa faktor perkauman masih relevan dalam pilihan raya di Malaysia. Namun demikian, pilihan raya umum 1999 menggambarkan kemungkinan faktor tersebut mungkin berkurangan pada masa hadapan dan menjadi salah satu elemen yang penting dalam perkembangan politik baru di Malaysia.

Masni Sanol (2002) dalam kajian faktor etnik dalam pilihan raya Parlimen P161 Sandakan, Sabah mendapati bahawa sokongan pengundi terhadap parti masih lagi didasari oleh faktor etnik. Terdapat perbezaan yang signifikan antara empat lapisan masyarakat yang mendominasi kawasan tersebut. Etnik Bumiputera bukan Islam dan kaum Cina lebih menitikberatkan bangsa dan agama calon dalam membuat pertimbangan dan penilaian sesebuah parti dalam pilihan raya. Bagi etnik Bumiputera Islam dan kaum lain didapati lebih menunjukkan semangat kepartian dalam menyokong mana-mana calon yang bertanding dan menolak pengaruh etnik tersebut dalam pilihan raya.

Maznah (2003) mendapati bahawa sokongan orang Melayu kepada UMNO merosot daripada 36.5 peratus pada pilihan raya umum 1995 kepada 29.5 peratus pada pilihan raya umum 1999 dan bagi PAS pula meningkat dari 7.3 peratus (1995) kepada 15 peratus (1999). Punca utama kepada perkara tersebut ialah ketidakpuasan hati orang Melayu kepada Perdana Menteri Dr. Mahathir yang memecat Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan ahli UMNO pada tahun 1998.

Seterusnya, Ng (2003) melihat prestasi tiga parti yang berasaskan etnik Cina dalam kawasan pilihan raya majoriti orang Cina pada pilihan raya umum 1999. Kebanyakan kawasan pilihan raya majoriti orang Cina terletak dalam kawasan bandar. Secara keseluruhannya, sokongan orang Cina kepada Gerakan dan MCA sebagai parti komponen BN adalah sebanyak 51 peratus di kawasan pilihan raya berkenaan dan 46 peratus kepada DAP sebagai parti pembangkang. Sokongan orang Cina kepada Gerakan dan MCA adalah disebabkan sebahagian orang Cina berpuas hati dengan perubahan dasar kerajaan terhadap orang Cina selepas daripada peristiwa rusuhan etnik 1969. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilihat banyak memberikan kebaikan kepada kepentingan orang-orang Cina.

Brown (2005) melihat kepada faktor etnik yang menjadi asas kepada persempadanan semula kawasan pilihan raya pada tahun 2002 dan corak pengundian dalam lima pilihan raya umum bermula pada tahun 1986 hingga 2004. Beliau membincangkan berkaitan dengan proses persempadanan semula yang mengurangkan bias etnik dalam kawasan pilihan raya tetapi sebaliknya meningkatkan ketidakseimbangan dalam saiz kawasan pilihan raya. Beliau juga berpendapat faktor etnik penting dalam mencorakkan sokongan kepada parti-parti politik yang bertanding.

Amer Saifude Ghazali (2008) dalam kajian politik etnik dalam parlimen 2008 di Malaysia mendapati bahawa di kawasan pilihan raya bercampur (tidak ada satu etnik majoriti dalam kawasan pilihan raya), kebanyakannya dimenangi oleh pakatan parti pembangkang sedangkan dalam pilihan raya umum sebelumnya ia merupakan kubu terkuat BN. Beliau juga mendapati

pengundi berani memilih parti pembangkang seterusnya secara jelas menolak idea politik pembangunan.

Mohd Mahadee & Ab. Bassit (2008) dalam kajian mengenai politik orang Melayu Kelantan dalam pilihan raya umum 2008 menjelaskan bahawa budaya politik masyarakat Melayu Kelantan yang agak unik dalam permainan politik tanah air menyebabkan keputusan yang mereka akan buat sukar untuk diramal. Budaya politik orang-orang Melayu di Kelantan banyak dipengaruhi oleh cara hidup yang ala kadar, pegangan yang kuat dan latar belakang agama yang kukuh membentuk jati diri mereka. Kedinamikan dan keunikan orang-orang Kelantan bermain politik adalah menarik perhatian semua pihak kerana Kelantan adalah negeri yang paling kerap menukar kerajaan dalam sejarah negara sejak pilihan raya pertama lagi.

Nazli Aziz (2008) dalam kajian pilihan raya umum ke 12 dan perhubungan kaum di Malaysia mendapati bahawa walaupun landskap politik yang berlandaskan kaum di Malaysia mungkin akan kekal sebagai satu arena untuk menguji pengaruh dan kekuatan parti, senario pasca pilihan raya umum ke-12 menunjukkan suatu evolusi fenomena yang signifikan dalam mengubah status quo politik di Malaysia daripada bersifat eksklusif kepada satu kaum kepada supra-etnik. Sebilangan rakyat Malaysia memberi satu sokongan yang mengejutkan kepada parti pelbagai kaum yang mungkin memberikan satu alternatif baru kepada hala tuju perjuangan dan pembangunan sistem governans parti politik di Malaysia pada masa akan datang.

Viknesh (2009) dalam kajian tahap persepsi dan partisipasi politik golongan masyarakat India di N33 DUN Port Dickson dan N35 DUN Gemencheh, Negeri Sembilan mendapati bahawa persepsi dan partisipasi mereka terhadap politik adalah tinggi. Ini adalah kerana kesan daripada pengaruh persekitaran seperti tahap pendidikan, senario politik semasa dan isu semasa membentuk pola tingkah laku serta persepsi politik mereka.

Kawasan DUN Bukit Selambau

Menurut sejarah dan cerita penduduk, Bukit Selambau mendapat nama daripada rumput 'mambau' yang banyak terdapat di kawasan itu pada masa dulu. Hari ini, kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Selambau adalah kawasan penting kepada Kedah kerana ia antara nadi perladangan komoditi sawit yang merangkumi 80 peratus daripada kegiatan ekonomi kawasan itu. Perusahaan sawit di kawasan ini banyak didokong oleh estet dan hanya sebilangan kecil daripadanya terdiri daripada ladang milik persendirian. Selain sawit, DUN Bukit Selambau merangkumi 10 peratus tanaman getah manakala selebihnya nenas dan sektor perkilangan. Sektor perladangan dan perkilangan menjadi sumber utama ekonomi penduduk kawasan ini yang dianggarkan 75,000 orang dengan majoritinya terdiri dari orang Melayu 50 peratus, diikuti India (29 peratus); Cina (19 peratus) dan lain-lain bangsa (dua peratus).

Dari segi geografi, DUN Bukit Selambau terletak dalam mukim Sungai Petani dan sebahagian di utara mukim Sidam Kiri, Daerah Kuala Muda, Negeri Kedah Darul Aman. Ia mempunyai 22 peti undi iaitu Kuala Sin, Kampung Sungkap, Bukit Lembu, Kongsi Enam, Sungai Lalang Luar, Sungai Lalang Utara, Bandar Laguna Merbok, Tasek Apong, Ayer Menideh, Jalan Badlishah, Taman Peruda, Taman Ria, Taman Ria Jaya, United Petani, Petani Para, Bukit Rusa, Pekan Bukit Selambau, Kampung Pokok Machang, Batu Belachan, Titi Panjang. DUN Bukit Selambau bersempadan dengan DUN Tanjung Dawai di barat, DUN Gurun di utara, DUN Sidam di selatan dan DUN Kuala Ketil di timur. Ia terletak dalam Parlimen Merbok. Satu lagi DUN dalam parlimen tersebut ialah Tanjung Dawai. Penempatan di DUN ini terdiri daripada perkampungan tradisi Melayu, taman perumahan dan estet. Walaupun kawasan ini mempunyai sebuah pekan, iaitu Pekan Bukit Selambau, ia agak kecil dan tidak mampu memainkan peranannya dalam urusan domestik penduduk seharian kerana mereka masih terpaksa berurusan di Kuala Ketil yang jauhnya kira-kira 12 kilometer dan bandar Sungai Petani lebih 20 kilometer.

Pekan itu hanya mempunyai satu pejabat pos mini yang kemudahannya agak terhad dan tiada kemudahan perbankan.

Dari segi politik, DUN Bukit Selambau adalah kubu kuat Barisan Nasional (BN) sejak selepas merdeka kerana komposisi pengundi mengikut kaumnya yang bercampur-campur sehinggalah pada Pilihan Raya Umum Ke-12 lalu. Pada pilihan raya umum 1959, kawasan Bukit Selambau dikenali Sungei Patani Luar yang dimenangi Parti Perikatan (kini BN) menerusi calonnya Azahari Md. Taib yang menewaskan calon PAS dan Barisan Sosialis (Socialist Front/SF) dengan majoriti 5490 undi. Kemudian dalam pilihan raya umum 1964, Parti Perikatan dengan calon yang sama terus memenangi kawasan ini dengan menewaskan calon PAS, Barisan Sosialis dan Parti Demokratik Bersatu (United Democratic Party/UDP) dengan majoriti 6609 undi. Seterusnya pada pilihan raya umum 1969 yang menyaksikan peristiwa pergaduhan kaum terbesar dalam sejarah negara, Perikatan menerusi calonnya Haji Salleh Haji Ishak menang dengan menewaskan calon PAS dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GRM) namun dengan majoriti yang menurun kepada 1482 undi.

Kemudian dalam pilihan raya umum 1974 telah berlaku persempadanan semula bahagian pilihan raya pada tahun sebelumnya dan hasilnya ia dikenali sebagai Jeniang dan dimenangi BN (dulunya Perikatan) melalui calonnya Zainol Abidin Johari dengan majoriti 5480 undi. BN terus memenangi kawasan tersebut pada pilihan raya umum 1978 dengan majoriti 5313 undi dan pilihan raya umum 1982 dengan majoriti 7063 undi melalui calon yang sama. Kemudian nama Bukit Selambau digunakan oleh SPR dalam persempadanan bahagian pilihan raya sejak tahun 1986 hinggalah sekarang. BN (UMNO) memenangi pilihan raya umum 1986 dan 1990 melalui calonnya Badri Yunus dengan majoriti 5,194 undi dan 4,359 undi. Manakala pilihan raya seterusnya iaitu pada tahun 1995, kerusi DUN yang secara tradisinya dimenangi BN melalui calon daripada UMNO ini diperuntukkan pula kepada MIC melalui calonnya V. Saravanan dan menang dengan majoriti 7,365 undi. BN (MIC) terus memenangi kawasan ini pada pilihan raya umum tahun 1999 dengan majoriti 5,894 undi dan pada pilihan raya umum 2004 mencatat majoriti kemenangan tertinggi iaitu 7,695 undi melalui calon yang sama selama tiga penggal berturut-turut. Namun, pada pilihan raya umum 2008 yang dikaitkan dengan 'tsunami politik' negara, calon bebas V. Arumugam menang dengan majoriti 2,362 menewaskan calon BN, S Krishnan. Arumugam selepas itu menyertai Parti Keadilan Rakyat (PKR), dan diberi kepercayaan memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa (EXCO) Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Hal Ehwal Masyarakat Siam, Perpaduan, Pekerja Ladang dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri.

Metod

Kajian lapangan pra pilihan raya ini diadakan di kawasan DUN Bukit Selambau (N25) dilakukan bermula pada 25hb Mac hingga 30 Mac 2009. Seramai 300 responden/pengundi yang berumur 21 ke atas telah dipilih daripada 16 kampung dan 13 taman perumahan. Kajian ini memaparkan hasil kajian di Bukit Selambau ketika penamaan calon. Kajian dibuat dengan melihat sumber maklumat politik, jenis akhbar yang dibaca, kriteria dalam pemilihan calon, ciri parti politik yang dipilih, isu atau perkara yang dibualkan serta isu lain yang berkaitan dengan pembangunan. Satu set soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data primer. Pemerhatian dan tinjauan juga dilakukan di kawasan kajian untuk melihat perubahan landskap budaya politik, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan.

Informasi politik responden

Kajian berkenaan sumber maklumat politik yang diperolehi, mendapati hampir responden iaitu 100 peratus (Cina), 92.5 peratus (Melayu) dan 98.2 peratus (India) mendapat maklumat politik melalui media elektronik yang meliputi rangkaian siaran televisyen (TV). Manakala 66.8 peratus responden Melayu, 26.8 peratus (India) dan 9.1 responden berbangsa Cina memperoleh info politik melalui akhbar harian perdana seperti surat khabar, majalah dan tabloid iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia, New Straits Times, Nanyang Siang Pau dan The Star. Dalam pada itu, responden turut memperoleh maklumat semasa politik melalui ceramah dari parti-parti politik dan perbualan seharian di premis-premis perniagaan, balai raya awam dan rumah ibadat (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1. Sumber maklumat politik (peratus)

Perkara	Melayu	Cina	India
Televisyen	92.5	100	98.2
Akhbar harian perdana	66.8	9.1	26.8
Radio	30.5	27.3	28.6
Internet	16.6	0.0	5.4
Rakan sekerja	15.0	0.0	19.6
Jiran	13.9	9.1	23.2
Akhbar harian politik	12.8	0.0	10.7
Sembang kedai kopi	10.2	9.1	12.5
Blog politik	9.6	0.0	0.0
Ibu bapa	7.5	0	0.0

Akhbar yang dibaca

Akhbar utama yang mendapat perhatian dan sambutan pembaca di kawasan DUN Bukit Selambau terdiri daripada Harian Metro yang dibaca oleh responden Melayu (67.4 peratus) dan Utusan Malaysia (38.5 peratus) manakala bagi responden Cina (72.7 peratus) dan India (80.4 peratus) lebih suka membaca akhbar dalam bahasa ibunda mereka sendiri. Mereka berpendapat bahawa kedua-dua akhbar ini mengandungi maklumat dari aspek kemasyarakatan seperti politik, ekonomi, sosial dan persekitaran sama ada terdiri daripada berita tempatan dan antarabangsa. Akhbar tersebut juga senang didapati daripada kedai-kedai di kawasan sekitar. Kebanyakan

Jadual 2. Akhbar yang dibaca setiap hari (peratus)

Perkara	Melayu	Cina	India
Harian Metro	67.4	27.3	17.9
Utusan Malaysia	38.5	9.1	5.4
Berita Harian	27.8	0.0	12.5
Harakah	15.5	0.0	0.0
Akhbar politik	6.4	0.0	5.4
New Straits Times	4.8	27.3	7.1
Akhbar Cina	0.5	72.7	0.0
Akhbar Tamil	1.6	9.1	80.4

daripada mereka juga membaca akhbar ini kerana ingin membuat perbandingan dalam isu-isu politik dan polisi yang dijalankan di negeri Kedah berbanding dengan kerajaan Pakatan Rakyat di

empat negeri lain serta di negeri-negeri yang dikuasai BN yang lain sekarang. Bilangan responden Melayu yang membaca akhbar NST hanya 4.8 peratus berbanding responden Cina (27.3 peratus) dan responden India (7.1 peratus) kerana akhbar berbahasa Inggeris tersebut kurang dibaca oleh rakyat negeri Kedah terutamanya orang Melayu di luar bandar kerana tahap penguasaan Bahasa Inggeris mereka adalah tidak begitu memuaskan (Lihat Jadual 2).

Kriteria pemilihan calon

Responden ditanya mengenai kriteria pemilihan calon. Secara dominannya, 67.9 peratus responden Melayu, 90.9 peratus responden Cina dan 66.1 peratus responden India menyatakan pemilihan calon dibuat berdasarkan personaliti mesra rakyat menjadi kriteria utama pemilihan calon mereka. Bagi responden Cina, mereka lebih mementingkan calon yang berpendidikan tinggi untuk menjadi wakil mereka. Namun dapat dilihat di sini responden Melayu lebih bersifat perkauman dalam memilih calon iaitu 40.6 peratus daripada mereka menyatakan calon sama etnik menjadi pertimbangan utama untuk menjadi wakil rakyat mereka (Lihat Jadual 3).

Jadual 3. Kriteria yang digunakan dalam pemilihan calon

Perkara	Melayu	Cina	India
Mesra rakyat	67.9	90.9	66.1
Personaliti kepimpinan calon	62.6	63.6	60.7
Tahap pendidikan tinggi	59.9	81.8	53.6
Ideologi/parti calon	49.2	36.4	42.9
Berpendidikan agama	48.7	9.1	8.9
Sama etnik	40.6	18.2	25.0
Calon muda	25.7	27.3	26.8

Ciri parti yang disokong

Analisis yang dibuat terhadap persoalan ciri parti politik yang akan dipilih dalam menghadapi pilihan raya kecil DUN Bukit Selambau mendapati bahawa, sebanyak 77.3 peratus responden Melayu, 90.9 peratus responden Cina dan 71.4 peratus responden India menyatakan memilih parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti rasuah sebagai ciri utama. Kemudian diikuti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan, yang memperjuangkan agama dan bangsa dan berdasarkan pemilihan calon yang berwibawa bersih dan berpendidikan tinggi. Responden Cina amat mengutamakan parti yang dapat menunaikan janji manifesto iaitu 90.9 peratus bersetuju kenyataan tersebut (Rujuk Jadual 4).

Jadual 4. Ciri-ciri parti politik yang disokong

Perkara	Melayu	Cina	India
Yang memperjuangkan isu kemanusiaan	77.3	90.9	71.4
Yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan	64.2	54.5	60.7
Yang memperjuangkan agama dan bangsa	56.7	27.3	19.6
Yang mempunyai calon yang berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi	52.4	45.5	33.9
Yang memperjuangkan isu nasionalisme dan global	35.8	63.6	33.9
Yang mempunyai trek rekod yang baik	34.2	63.6	39.3
Yang dapat menunaikan manifesto	37.4	90.9	26.8
Yang memperjuangkan isu DEB	23.5	18.2	10.7

Isu yang dibincangkan

Tujuan kempen diadakan ialah untuk menyampaikan mesej supaya pengundi dapat melihat sendiri melalui media atau pun secara terus dan mewujudkan kepercayaan kepada pengundi (Ranney 1993). Isi kempen yang hendak disampaikan dikawal oleh calon atau parti dan dihebahkan supaya mereka dinilai sebaik mungkin. Strategi kempen moden dilakukan melalui saluran media berbayar atau tidak berbayar untuk memastikan penonjolan calon yang terbaik. Di Malaysia dalam sesuatu kempen pilihan raya isu yang terpenting dibincangkan ialah politik pembangunan. Rakyat Malaysia telah diajar untuk menilai pembangunan dan modenisasi (Arnold Puyok, 2003) dan mereka hanya mempercayai parti pemerintah (BN) yang mampu menyediakan pembangunan di bandar atau pun di luar bandar secara berterusan. Ini bermakna kempen calon pembangkang tidak berkesan dan dipercayai boleh membawa perubahan di sesuatu kawasan.

Dalam pilihan raya kecil ini, isu paling hangat diperbincangkan ialah isu pemulihan ekonomi (77.5 peratus responden Melayu), diikuti 54.5 peratus responden Cina dan 69.6 peratus responden India mengiyakan kenyataan tersebut. Isu tersebut dialami oleh semua pihak dan melibatkan kesan berantai iaitu daripada kenaikan harga bahan api, tambang kenderaan, hartanah hinggalah harga barangan. Kesannya amat dirasai bagi golongan yang berpendapatan rendah sama ada di kampung atau di bandar (Lihat Jadual 5).

Jadual 5. Isu/perkara yang selalu dibualkan/dibincangkan

Perkara	Melayu	Cina	India
Pemulihan ekonomi	77.5	54.5	69.6
Isu kestabilan dan perpaduan	43.3	63.6	30.4
Isu kepimpinan	39.6	36.4	25.0
Isu pekerjaan	38.5	18.2	33.9
Isu pembangunan	31.6	18.2	32.1
Isu rasuah	27.8	36.4	26.8
Isu petempatan/perumahan	15.0	36.4	26.8
Isu tanah	18.2	27.3	37.5

Politik

Daripada responden yang ditemubual, 38.0 peratus (Melayu), 27.3 peratus (Cina) dan 17.9 peratus responden India menyatakan mereka mengundi BN dalam pilihan raya umum 2008 yang lalu. Bagi yang mengundi calon Bebas yang kemudiannya menyertai PKR pula ialah 18.7 peratus (Melayu), 72.7 peratus (Cina) dan 60.7 peratus responden India. Dari segi dasar pemerintahan Pakatan Rakyat yang dikatakan merugikan orang Melayu, 49.2 peratus responden Melayu, 27.3 (Cina) dan 23.2 peratus peratus responden India bersetuju dengan kenyataan tersebut. Manakala dari segi pengekaln Kerajaan Pakatan Rakyat dalam pilihan raya umum akan datang, masing-masing 73.8 peratus, 72.8 peratus dan 73.2 peratus responden Melayu, Cina dan India bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, 54.8 peratus responden Melayu, 45.5 peratus responden Cina dan hanya 21.0 peratus responden India menyatakan Dato' Sri Mohd. Najib akan menjadi Perdana Menteri yang lebih baik menerajui pembangunan Malaysia.

Pilihan parti pra-pilihan raya dan hari pengundian

Hasil daripada kajian semasa minggu kempen (pra pengundian), mendapati bahawa 41.2 peratus responden Melayu, 45.5 peratus responden Cina dan 41.1 peratus responden India menyatakan PKR akan mengekalkan kerusi DUN Bukit Selambau (Lihat Jadual 6). Kebanyakan daripada responden (India) memilih parti PKR kerana mereka menganggap parti tersebut dapat memperjuangkan keadilan dan kesaksamaan kaum serta dapat memperjuangkan hak orang India di negara ini. Kemenangan calon India daripada PKR dapat menempatkan wakil rakyat di DUN

Kedah seterusnya dilantik sebagai ahli EXCO Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat yang dapat membawa pembangunan di kawasan mereka. Manakala responden yang memilih parti BN pula kerana mereka menganggap parti BN telah mempunyai rekod pemerintahan yang berjaya sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menyatukan semua kaum sejak sekian lama. Bagi mereka yang menyokong BN juga berpandangan bahawa BN sudah berjaya memajukan bangsa, agama dan negara dengan mengambil kira toleransi, hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum dan agama berlandaskan prinsip Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan. Namun terdapat sebahagian besar responden yang menyatakan tidak pasti parti mana yang menang dalam pilihan raya kecil tersebut dengan alasan kempen dan isu yang didebatkan adalah sama kuat dan penting.

Keputusan sebenar pilihan raya kecil DUN Bukit Selambau dimenangi calon PKR akhirnya berjaya dimenangi seterusnya dikekalkan PKR dengan majoriti yang sedikit bertambah iaitu daripada 2362 undi (Mac 2008) kepada 2403 undi (April 2009) namun jumlah undi yang diperolehi adalah merosot iaitu daripada 13,225 undi (Mac 2008) kepada 12,632 undi (April 2009). Calon PKR iaitu S. Manikumar berjaya menewaskan calon BN Dato' S. Ganesan dan 13

Jadual 6. Jangkaan Parti yang akan Menang dalam Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau

Perkara	Melayu	Cina	India
PKR	41.2	45.5	41.1
BN	29.4	18.2	30.4
Calon Bebas	6.4	0.0	1.8
Tidak pasti	23.0	36.4	26.8

lagi calon Bebas yang hilang wang pertaruhan. Pilihan raya ini menyaksikan pertembungan antara personaliti calon baru atau muda (PKR) dengan calon yang berpengalaman luas dalam politik (BN) serta menyaksikan calon yang bertanding paling ramai dalam sejarah pilihan raya Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa demokrasi dalam politik di negara ini terbuka luas kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk bertanding dalam pilihan raya.

Pilihan raya kecil kali ini juga menunjukkan pola pengundian kaum India masih memberi kelebihan kepada calon PKR. Contohnya di tiga kawasan daerah mengundi di mana pengundi Indianya adalah yang tertinggi iaitu United Petani (75 peratus India) PKR-427 undi, BN-236 undi; Petani Para (69.89 peratus) PKR-107 undi, BN-97 undi dan Bukit Rusa (71.22 peratus) PKR-260 undi, BN-185 undi, kesemua kawasan daerah-daerah mengundi yang majoritinya kaum India tersebut memihak kepada PKR. Namun apa yang menarik, calon-calon Bebas daripada kaum Melayu memperolehi undi yang agak tinggi iaitu Mejar (B) Anuar Abd. Hamid (528 undi) dan Husaini Yaacob (257 undi). Kedua-dua calon etnik Melayu tersebut dipercayai memperolehi undi daripada pengundi Melayu daripada penyokong BN dan PKR/PAS yang memprotes terhadap calon daripada bukan Melayu yang mewakili kedua-dua parti politik tersebut.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil daripada kajian pendapat umum ini menunjukkan bahawa 41.2 peratus responden Melayu, 45.5 peratus responden Cina dan 41.1 peratus responden India menyatakan PKR akan mengekalkan kerusi DUN Bukit Selambau. Dapatan kajian pendapat pra-pilihan raya ini adalah selaras dengan keputusan pilihan raya kecil pada 7 April 2009 yang memihak kepada PKR yang berjaya mengekalkan kerusi DUN tersebut sebagai 'status quo' sebelum ini dengan majoriti sebanyak 2403 undi. Keputusan pilihan raya kecil ini menunjukkan kerajaan Pakatan Rakyat Kedah masih kukuh. Secara keseluruhannya, pengundi di Bukit

Selambau juga telah membuat keputusan politik berlandaskan 'Makkal Sakthi' atau kuasa rakyat dengan menolak sentimen perkauman. Pilihan politik pengundi DUN Bukit Selambau dalam pilihan raya kecil tersebut juga menunjukkan impak keputusan pilihan raya umum 2008 yang lalu masih kekal. Pola pengundian dalam pilihan raya kecil ini juga menunjukkan pengundi memilih pakatan parti yang menguasai Kerajaan Negeri Kedah dan bagi mereka adalah berbaloi memilih wakil rakyat yang bakal dilantik sebagai EXCO Kerajaan Negeri melalui calon PKR tersebut. Keputusan pilihan raya kecil ini juga jelas menunjukkan bahawa pihak yang tewas iaitu BN perlu melakukan 'post mortem' secara terperinci, telus dan tegas bagi memperbaiki kelemahannya. Ini kerana apa yang berlaku dalam pilihan raya kecil tersebut tidak harus dilihat sebagai 'kalah di satu kerusi sahaja' tetapi perlu dilihat dalam skop yang lebih luas dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Rujukan

- Amer Saifude Ghazali (2008) Politik etnik dalam pilihan raya parlimen 2008 di Malaysia: Suatu analisis. In: Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib, Abdul Kadir Rosline (eds) *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Sabah.
- Brown GK (2005) Playing the (non) ethnic card: The electoral system and the ethnic voting patterns in Malaysia. *Ethnopolitics* 4 (4), 429-445.
- Chua Siew Yoon (2000) Geopolitik peranan Cina Kelantan di Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Hj. Harun (1994) Ragam pengundi Melayu bandar dan desa di Kajang dan Dengkil. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Masni Sanol (2002) Faktor etnik dalam pilihan raya parlimen P.161 Sandakan, Sabah. Latihan Ilmiah. Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maznah Mohamad (2003) The contest for Malay voters in 1999: UMNO's most historic challenge. In: Francis Loh Kok Wah, Johan Saravanamuttu (eds) *New politics in Malaysia*, pp. 66-86. Institute of Southeast Asia Studies, Singapore.
- Mc Gee TG (1962) *The Malayan elections of 1959: A study in electoral geography*. *The Journal of Tropical Geography* 16, 70-99.
- Mohd. Mahadee Haji Ismail, Ab. Bassit Husin (2008) Penterjemahan demokrasi dalam pilihan raya umum ke-12: Satu tinjauan ke atas budaya politik masyarakat Melayu Kelantan. In: Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib, Abdul Kadir Rosline (eds) *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Sabah.
- Mohd Yusof Kasim, Azlan Ahmad (2002) Pendahuluan. In: Mohd Yusof Kasim Azlan Ahmad (ed) *Politik baru dalam pilihan raya umum*. Penerbit UKM, Bangi.
- Nazli Aziz (2008) Pilihan raya umum ke-12 dan perhubungan kaum di Malaysia: Suatu "bicara". In: Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib, Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Sabah.
- Ng Tien Heng (2003) The contest for Chinese votes: politics of negotiation or politics of pressure? In: Francis Loh Kok Wah, Johan Saravanamuttu (eds) *New politics in Malaysia*, pp.87-106. Institute of Southeast Asia Studies, Singapore.
- Rizal Yaakop, Jumaat Abd. Moen (2002) *Politik etnik dan perkembangan politik baru*. In: Mohd Yusof Kasim, Azlan Ahmad (eds) *Politik baru dalam pilihan raya umum*. Penerbit UKM, Bangi.
- Vasil RK (1971) *Politics in plural society: a study of non-communal political parties in West Malaysia*. Oxford University Press, Kuala Lumpur.